



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **2,500 ASNAF MENERIMA SUMBANGAN NUR RAMADAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA, 14 Jun 2017** – Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) bersama-sama komuniti pada hari ini di Program Nur Ramadan dan Ziarah Kasih Putrajaya 2017 yang turut diserikan dengan kehadiran YB Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor di Masjid Putra, Putrajaya dalam mengimarahkan bulan Ramadan Al-Mubarak.

2. Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010 merupakan program tahunan KWP dalam usaha mengeratkan silaturrahim antara pihak kerajaan dengan komuniti Wilayah Persekutuan Putrajaya. Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk memperkukuh dan memperkayakan interaksi antara pihak KWP dan PPj dengan warga Putrajaya dalam menerapkan nilai rasa kasih sayang dan prihatin khususnya kepada golongan susah dan mereka yang kurang berkemampuan.

3. Program Nur Ramadan dan Ziarah Kasih Putrajaya 2017 ini turut melibatkan golongan asnaf, anak-anak yatim, warga emas, ibu tunggal, OKU dan mereka yang kurang berkemampuan di WP Putrajaya. Seramai 2,500 orang penerima akan menerima sumbangan wang tunai RM150.00 setiap seorang sumbangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melalui Baitulmal dan Yayasan Tabung Haji serta beras dan gula sumbangan Yayasan Al Bukhary. Celcom pula memberikan sumbangan wang tunai kepada 267 orang pelajar-pelajar tahfiz di Wilayah Persekutuan. Manakala pelajar-pelajar tahfiz dan kanak-kanak Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) turut menerima sumbangan daripada Badan Amal Kasih Ibu Wilayah Persekutuan berupa

pakaian jubah, makanan dan minuman. Terdapat seramai 192 kanak-kanak PDK daripada 12 PDK Wilayah Persekutuan.

4. Manakala, Masjid Putra turut menerima sumbangan wang tunai RM30,000.00 dari Yayasan Wilayah Persekutuan bagi tujuan menaiktaraf kemudahan dan keperluan masjid. Kerjasama strategik KWP dengan pihak MAIWP, Yayasan Al Bukhary, Yayasan Wilayah Persekutuan, Yayasan Tabung Haji dan Celcom bagi Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan ini adalah selaras dengan dasar kerajaan dalam melaksanakan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

5. Adalah diharapkan para asnaf yang menerima sumbangan Nur Ramadan WP pada hari ini dapat menggunakan sumbangan tersebut dalam menjalani kehidupan harian terutamanya di bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Program Nur Ramadan ini dapat memberi impak yang besar dalam penglibatan rakyat secara umum serta memberi peluang kepada komuniti untuk menyertai setiap aktiviti dan program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan menerusi Pusat-Pusat Khidmat Masyarakat di Wilayah Persekutuan. Ini seterusnya dapat mencetuskan semangat muhibbah antara masyarakat dan melahirkan rasa bersyukur kepada Allah S.W.T terhadap nikmatNya di bulan Ramadan yang mulia ini.

**Disediakan oleh:**

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Putrajaya

14 Jun 2017